

Bab Kelima

PENUTUP

1. KESIMPULAN

Bab ini merupakan rumusan secara menyeluruh ke atas kajian ini. Di samping itu juga, ia akan menjawab beberapa persoalan yang timbul daripada objektif kajian. Oleh yang demikian, rumusan ini akan diklasifikasikan kepada tiga bahagian mengikut objektif yang ingin dicapai iaitu:

i) Penerbitan *Majalah Guru* dan *Bahagian Tawārikh*

Daripada kajian ini, penerbitan majalah yang dipimpin oleh guru-guru meenggambarkan usaha gigih guru-guru Melayu untuk membela nasib bangsanya. Malahan, idea-idea pemikiran guru-guru melayu juga telah disalurkan melalui akhbar dan majalah seperti *Saudara*, *Majlis*, *Warta Melayu*, *Utusan Melayu* dan juga *Majalah Guru* sendiri. Pemikiran yang dipaparkan didada-dada akhbar dan majalah pada masa itu secara tidak langsung telah menaikkan nama guru-guru Melayu. Tidak keterlaluan sekiranya penulis menyatakan bahawa guru-guru Melayu mendominasi penulisan akhbar dan majalah pada masa sebelum Perang Dunia ke-2.

Selain dari menyumbangkan idea dalam majalah yang dikeluarkan oleh Persekutuan Guru-guru Melayu, mereka juga telah menyebarkan idea-idea kemajuan melalui akhbar dan majalah lain iaitu majalah bukan terbitan persekutuan seperti *Warta Malaya*, *Majlis*, *Saudara*, *Utusan Melayu*, *Warta Negeri* dan banyak lagi.

Guru-guru Melayu disenangi oleh masyarakat Melayu memandangkan kebanyakan daripada mereka berasal dari kampung-kampung, beragama Islam dan berbangsa Melayu menjadikan mereka tiada masalah untuk mendekati diri dengan masyarakat. Selain daripada itu, guru-guru Melayu mempunyai sifat yang bersesuaian untuk menjadi seorang pemimpin. Di sekolah mereka menjadi pemimpin dan contoh teladan kepada anak-anak Melayu. Manakala diluar sekolah, mereka bertindak sebagai pemimpin dan penasihat kepada masyarakat.

Penerbitan *Majalah Guru* ini telah memberi kesan kepada masyarakat Melayu khususnya, bukan sahaja dari aspek pendidikan, malah dari aspek ekonomi, semangat nasionalisme dan sebagainya. Kemunculan majalah ini memainkan peranan guru-guru Melayu sebagai golongan yang berpengaruh pada dekad 20'an itu. Bermula dengan kewujudan maktab perguruan, kemudian Persekutuan Guru-guru Melayu sehingga terbitnya *Majalah Guru* yang menjadi panduan dan nasihat kepada masyarakat.

Oleh yang demikian, para guru ini telah menghasilkan suatu penulisan di dalam *Majalah Guru* yang dapat menyuntik semangat masyarakat Melayu. Ini bermaksud segala penulisan yang terdapat di dalam majalah ini bukanlah sia-sia. Ini termasuk jugalah dengan *Bahagian Tawārikh*. Penulisan sejarahnya menyentuh segala aspek, iaitu tokoh-tokoh Islam, sejarah Melayu, budaya dan ekonomi.

ii) Sumber-sumber sejarah yang terdapat dalam *Majalah Guru*.

Sumber sejarah merupakan asas kepada segala penyelidikan dalam bidang sejarah. Penelitian ke atas sumber sejarah sememangnya diberi perhatian oleh semua ahli sejarah dari pelbagai latar belakang sebagai tulang belakang kepada perkembangan

disiplin sejarah sebagai satu cabang ilmu. Begitu juga dengan *Bahagian Tawārikh*, penjelasan mengenai sumber yang digunakan telah ditulis dengan jelas agar pembaca dapat menerima maklumat yang tepat.

Kebanyakan sumber yang digunakan dalam *Bahagian Tawārikh* ini merupakan sumber dari Barat. Walaupun umum mengetahui bahawa Za'ba dan M.Y merupakan antara penulis prolific yang mempunyai semangat nasionalisme, akan tetapi penggunaan sumber tulisan mereka tetap menggunakan sumber dari Barat. Walaubagaimanapun, Za'ba menyatakan bahawa beliau menggunakan sumber dari Barat ini adalah kerana ulamak pada ketika itu tidak menulis mengenai sejarah Islam dan hanya mementingkan perkara atau isu-isu untuk dijadikan perbalahan.

Antara tahun 1924-1929, Za'ba menyatakan bahawa masyarakat Melayu pada ketika itu lebih gemar menokok tambah sesebuah cerita tanpa mengetahui samada sesuatu cerita sejarah itu adalah benar ataupun tidak. Oleh itu, penerbitan *Majalah Guru* dengan ruangan *Bahagian Tawārikh* dapat memperbetulkan salah faham fakta mengenai sejarah Islam.

Za'ba menguatkan lagi fakta dengan merujuk lebih dari satu sumber untuk menyatakan bahawa sesuatu fakta yang dijelaskan kepada masyarakat merupakan fakta yang betul dan bukan fakta yang direka-reka. Ini jelas menunjukkan bahawa sumber yang betul dan tepat merupakan keutamaan Za'ba dalam pemilihan artikel tulisan sejarah Islam bagi bacaan masyarakat Melayu pada ketika itu.

iii) Perkaitan antara tema, penulis dan kekerapan

Za'ba merupakan penulis yang paling banyak menyumbangkan artikel dalam *Bahagian Tawārikh*. Tema yang memonopoli bahagian ini adalah tema tokoh dan kesemuanya merupakan sumbangan Za'ba kepada majalah ini. Za'ba adalah seorang perjuang agama Islam dan bangsa Melayu. Beliau tidak mahu 'pendidikan dunia' terpisah dari 'pendidikan agama'. Oleh sebab itu kebanyakan artikel yang disediakan olehnya dalam ruangan pensejarahan *Majalah Guru* memfokuskan kepada duniawi umumnya dan agama khususnya.

Walaupun kebanyakan tulisan sejarah yang diterbitkan merupakan terjemahan kepada buku-buku karangan orang Barat, namun dapat memberikan penjelasan secara ringkas ataupun pengenalan terhadap seseorang tokoh Islam yang ditonjolkan dengan diperjelaskan dengan sumber yang benar. Za'ba merupakan penulis yang banyak menerbitkan artikel terjemahan di dalam *Bahagian Tawārikh* ini, walaupun beliau dilihat memperjuangkan nasib Melayu dan agama Islam tetapi tetap menggunakan sumber Barat sebagai medium menyampaikan sejarah Islam. Antara tujuan beliau menggunakan sumber tulisan Barat ini juga adalah kerana untuk mencabar ulamak (kaum Tua) pada ketika itu yang hanya mengambil tahu perkara-perkara yang remeh dan tidak menulis mengenai sejarah Islam untuk tatapan masyarakat dengan sumber yang betul.

Za'ba sedar peranan dan kepentingan Islam sebagai umbi kemajuan umatnya terutamanya Melayu kerana Islam adalah agama yang diwahyukan dan ditegakkan dengan roh kemajuan. Islam tidak menolak dunia seperti yang difahami oleh ulama

Kaum Tua dan orang Melayu yang berfikiran sempit. Dalam konteks dan perspektif sejarahnya, umat Islam telah berjaya mengungguli kejayaan dalam kehidupan duniawi.

Penulis dapat menyimpulkan juga bahawa, walaupun terdapat bidang yang tidak tergolong dalam bidang pengajian sejarah, contohnya terdapat tema mengenai asal usul iaitu bidang antropologi dan juga tema kumpulan minoriti iaitu kajian bidang etnologi, namun diletakkan tulisan mengenainya dalam *Bahagian Tawārikh*. Ini menunjukkan bahawa terdapat kelemahan dalam perkongsian maklumat mengenai sejarah, namun begitu, penulis merasakan bahawa *Za'ba* bertujuan hanya untuk menyampaikan ilmu pengetahuan yang tidak diketahui oleh masyarakat pada ketika itu dan didapati hanya ruangan *Bahagian Tawārikh* sahaja yang sesuai untuk disampaikan maklumat tersebut.

2. CADANGAN

Berdasarkan dari perkara-perkara yang telah dibincangkan, penulis mendapati terdapat beberapa perkara yang dirasakan perlu untuk diperbaiki dan diusahakan. Pertama mengenai kesedaran masyarakat terhadap kepentingan ilmu sejarah, ia perlu disemai dari peringkat awal lagi. Ini kerana kepentingannya dalam memberikan makna diri iaitu jati diri sesuatu bangsa tidak boleh dinafikan. Maka pelbagai langkah perlu diambil oleh pihak-pihak tertentu dalam menarik minat masyarakat terhadap ilmu sejarah khususnya di peringkat kanak-kanak dan golongan remaja. Hanya dengan kefahaman terhadap sejarah inilah nilai-nilai tradisi yang berpaksikan kepada agama khususnya dapat dipujuk dalam jiwa setiap individu dan seterusnya dapat mengatasi masalah-masalah sosial masyarakat.

Kedua, meskipun kajian ini telah menyatakan secara menyeluruh mengenai kajian historiografi terhadap *Majalah Guru* iaitu *Bahagian Tawārikh*, namun adalah

dicadangkan supaya kajian yang lebih mendalam dapat dilakukan seperti perbandingannya dengan majalah yang mempunyai ruangan tulisan sejarah yang sezaman dengannya. Ataupun perbandingan penulisan sejarah majalah dahulu dan sekarang agar pemahaman mengenai kajian historiografi dapat diterapkan.

Ketiga, penekanan perlu diberikan ke atas kajian historiografi Islam dalam pembelajaran dan penyelidikan sejarah bagi menggantikan ideology sejarah Barat dalam sistem pendidikan kita. Perkara ini adalah perlu bagi memahami motif-motif di sebalik perjalanan sejarah berpandukan pandangan Islam, di samping dapat mengemukakan satu rangka berguna dalam membina sejarah dari kaca mata Islam tersebut. Dengan pencapaian dalam aspek ini, masyarakat Islam diharap memperolehi rangsangan untuk mengembangkan lagi nilai-nilai Islamiyyah sehingga dapat menentukan proses sejarah global.

Keempat, penulis merasakan perlunya kajian yang lebih mendalam mengenai sumber yang diterjemah oleh Za'ba dalam *Bahagian Tawārikh* ini. Ini adalah kerana penulis tidak mampu mencari dan mengkaji lebih mendalam sebahagian besar sumber yang digunakan tersebut. Oleh itu diharapkan terdapatnya kajian yang lebih mendalam mengenai sumber tersebut bagi masyarakat sekarang lebih mengenalinya.

Kelima, bagi sesuatu penyelidikan dan pensejarahan yang dilakukan pula mestilah berpandukan kepada sumber yang benar. Kajian dan penulisan sejarah yang benar akan menjadi sumber inspirasi dan motivasi dalam membangkitkan kesedaran kebangsaan sesuatu bangsa. Begitu juga dengan kajian sejarah yang baik akan memberikan inspirasi bagi menjadikan kita lebih memahami keadaan dan pergolakan yang berlaku sekarang. Demikianlah tanpa sejarah mungkin kita tidak akan dapat

mengambil ikhtibar daripada sesuatu peristiwa yang berlaku dan mengulangi semula peristiwa tersebut. Di sinilah kepentingan sejarah itu dilihat iaitu bagi memastikan perubahan terus berlaku dalam sesebuah masyarakat dan seterusnya dapat membina peradaban dan tamadun yng gemilang.

Akhir sekali, kajian mengenai historiografi Islam sememangnya menarik ditambah pula kajian dilakukan terhadap majalah yang usianya telah melangkaui 89 tahun ini. Diharapkan agar kajian terhadap majalah dan akhbar yang telah terbit sebelum merdeka dapat diteruskan kerana di dalam majalah dan akhbar tersebut terdapatnya sejarah yang telah terakam sebagai sumber primer bagi rujukan penulisan sejarah masa kini.

Segala kekurangan di dalam penulisan ini dapat diperbaiki dan dikritik oleh pengkaji yang akan datang bagi memastikan penyelidikan ini berterusan dan menghasilkan satu kajian yang lebih baik pada masa akan datang. Kelemahan dalam kajian ini adalah atas kekurangan diri penulis sendiri. Koleksi *Majalah Guru* dari tahun 1924-1929 salinannya ada pada simpanan penulis. Diharapkan ada penyelidik akan datang yang berminat untuk mengkaji *Majalah Guru* dari sudut pandangan lain.